



SOALAN-SOALAN LAZIM


PENGAKTIFAN AKAUN PENGGUNA BAGI PORTAL MYCOID, MYLLP & SSM4U BAGI PELANGGAN YANG BERADA DALAM KAWASAN PKP

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah saya boleh mendaftar di portal MyCoID, MyLLP dan SSM4U dalam tempoh PKP?	Ya. Pengguna baru boleh mendaftar seperti biasa sebagai pengguna di portal MyCoID, MyLLP dan SSM4U.
2.	Saya telah mendaftar di portal MyCoID/MyLLP/SSM4U dan menerima emel notifikasi untuk hadir ke kaunter SSM bagi membuat verifikasi. Kawasan saya telah diisytiharkan PKP, adakah saya perlu hadir ke kaunter SSM bagi membuat verifikasi?	<p>Bagi pelanggan MyCOID, MyLLP dan SSM4U yang berada di dalam kawasan yang dikenakan PKP, anda tidak perlu hadir ke kaunter SSM bagi membuat verifikasi. Pihak SSM akan menghubungi anda melalui emel untuk prosedur seterusnya. Sila patuhi arahan yang dinyatakan dalam emel tersebut dan kemukakan bersama perkara seperti di Lampiran 1.</p> <p>Hanya permohonan yang lengkap dan memenuhi kriteria sahaja akan diproses.</p>
3.	Sebagai pengguna MyCoID , bolehkah saya menukar status akaun saya daripada <i>Individual user</i> kepada <i>Professional user</i> semasa tempoh PKP?	Boleh. Permohonan untuk membuat pertukaran status akaun daripada <i>Individual user</i> kepada <i>Professional user</i> boleh dilakukan seperti biasa.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
4.	<p>Sebagai pengguna MyCoID, saya telah membuat permohonan pertukaran status akaun daripada <i>Individual user</i> kepada <i>Professional user</i> dan menerima emel notifikasi untuk hadir membuat verifikasi ke kaunter SSM dalam tempoh PKP.</p> <p>Adakah saya perlu hadir ke kaunter SSM bagi membuat verifikasi?</p>	<p>Bagi pelanggan yang berada di dalam kawasan yang dikenakan PKP, anda tidak perlu hadir ke kaunter SSM bagi membuat verifikasi. Setelah menerima emel notifikasi untuk hadir ke SSM anda perlu emelkan permohonan bagi mengaktifkan akaun anda ke emel ubmhq@ssm.com.my dengan mengemukakan perkara seperti di Lampiran 1.</p> <p>Sekiranya salah satu perkara tidak lengkap, permohonan anda akan ditolak.</p>
5.	<p>Apakah yang saya perlu lakukan sekiranya saya tidak mengingati <i>security question</i> atau <i>security answer</i> saya di portal MyCoID?</p>	<p>Mohon majukan emel ke enquiry@ssm.com.my dan pihak SSM akan membantu anda berkenaan <i>security question</i> dan <i>answer</i> tersebut.</p>
6.	<p>Siapa yang saya harus hubungi sekiranya saya mempunyai pertanyaan lebih lanjut mengenai pengaktifan akaun MyCoID/MyLLP/SSM4U sepanjang tempoh PKP?</p>	<p>Sekiranya anda mempunyai pertanyaan atau memerlukan penjelasan lebih lanjut berkenaan pengaktifan akaun MyCoID/MyLLP/SSM4U sepanjang tempoh PKP, anda boleh majukan emel ke enquiry@ssm.com.my atau hubungi talian 03-7721 4000</p>

Tarikh: 6 Mei 2021

LAMPIRAN 1

Perkara	MyCoID			MyLLP		MBRS
	Individual	Professional	e-Charge	Verified	Verified Professional	
Salinan Kad Pengenalan	✓	✓	✓	✓	✓	✓
<p>Pemilik akaun perlu menangkap gambar bersama kad pengenalan yang dipegang pada paras leher seperti gambar di bawah.</p>  <p>(Pastikan gambar mempunyai resolusi tinggi agar perincian di kad pengenalan adalah jelas)</p>	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Satu dokumen sokongan lain yang mempunyai nama/gambar pemilik akaun. Sebagai contoh, lesen memandu, bil telefon, bil elektrik dan lain-lain	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Salinan sijil keahlian badan professional	✗	✓	✓	✗	✓	✗
Surat pengesahan yang mengatakan <i>user</i> adalah wakil yang dilantik oleh firma tersebut menggunakan <i>letterhead legal firm</i>	✗	✗	✓	✗	✗	✗
<i>Security answer</i> (yang telah didaftarkan semasa proses <i>sign up</i>)	✓	✓	✓	✗	✗	✗